

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**TARIKH SEMAKAN TAWARAN DAN PENDAFTARAN  
SEKOLAH KHUSUS TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah selesai melaksanakan proses pentaksiran kemasukan murid ke **Sekolah Khusus**, iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Kolej Vokasional (KV) dan Maktab Tentera Diraja (MTD) bawah Kementerian Pertahanan Malaysia untuk tahun 2021.

Sehubungan dengan itu, semakan tawaran kemasukan ke Sekolah Khusus bagi Tingkatan Satu, Tingkatan Empat dan Tahun 1 Sijil Vokasional Malaysia (1SVM) boleh dibuat pada ketetapan berikut:

<b>Peringkat</b>	<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Tarikh Semakan Tawaran</b>	<b>Tarikh Semakan Temu Duga</b>
Tingkatan 1	SBP, SMKA	19 Mac 2021	
Tingkatan 4	SBP, SMKA, SMT	23 Mac 2021	
Tahun 1SVM	KV	23 Mac 2021	
Tingkatan 4	MTD		23 Mac 2021

Semakan tawaran boleh dilakukan melalui pautan <https://spskt1.moe.gov.my> bagi Tingkatan Satu dan <https://spskt4.moe.gov.my> bagi Tingkatan Empat. KPM menetapkan

bahawa tarikh pendaftaran murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat ke Sekolah Khusus adalah pada **Selasa, 6 April 2021**. Maklumat lanjut berkaitan pendaftaran boleh diperoleh melalui pautan tersebut. Tarikh pendaftaran ke MTD akan dimaklumkan melalui laman sesawang <http://www.rmc-education.edu.my/>.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
17 MAC 2021**